

# • UMNO Johor komited – Najib

Oleh ZAINI RABAN

UMNO Johor akan memberi kerjasama penuh supaya konsep pembangunan WPI akan berjaya seperti yang dihasratkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi

**NAJIB TUN RAZAK**  
Timbalan Perdana Menteri

**KUALA KANGSAR** 1 Julai – Datuk Seri Najib Tun Razak menegaskan, dakwaan Menteri Mentor Singapura, Lee Kuan Yew bahawa UMNO Johor tidak mengalu-alukan pelabur dari republik itu terlibat dalam projek Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) adalah tidak benar sama sekali.

Timbalan Perdana Menteri memberi jaminan bahawa UMNO Johor akan memberi komitmen padu dan kerjasama penuh kepada semua pihak yang berminat untuk melabur di kawasan berkenaan.

“Saya baru sahaja berhubung dengan Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman yang juga Pengerusi Perhubungan UMNO negeri untuk mendapatkan penjelasan mengenai perkara ini.

“Beliau memberitahu saya bahawa UMNO Johor akan memberi kerjasama penuh supaya konsep pembangunan WPI akan berjaya seperti yang dihasratkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi,” katanya.

Najib berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan mesyuarat perwakilan UMNO bahagian Kuala Kangsar di Dewan Merdeka di sini hari ini.

Kuan Yew dalam satu temu bual dengan sebuah akhbar di republik itu mengatakan bahawa syarikat-syarikat dari Singapura yang berminat menyertai projek di WPI tidak boleh menjangkakan layanan istimewa dari Malaysia sebagaimana layanan murah hati China kepada pelabur Hong Kong di wilayah Shenzhen.

Kuan Yew, bekas perdana menteri yang masih berpengaruh dalam Kabinet Singapura, berkata, syarikat-syarikat dari republik itu juga perlu menilai sama ada kehadiran mereka dialu-alukan di WPI memandangkan wujud suara bantahan di kalangan pemimpin UMNO terutama dari Johor.

Najib yang juga Timbalan Presiden UMNO berkata, pemimpin-pemimpin UMNO dalam Panel Penasihat Lembaga WPI seperti Tun Musa Hitam dan Datuk Shahrir Samad sudah pasti akan mengambil kira



**NAJIB Tun Abdul Razak bersama Menteri Besar Perak, Datuk Seri Mohd. Tajol Rosli Ghazali (kiri) dan Ahli Dewan Undangan Negeri Changkat Jering, Datuk Mat Isa Ismail mengopek durian ketika melancarkan Festival Makan Durian Bukit Gantang 2007 di Taiping, Perak, semalam.**

kepentingan semua pihak.

Justeru, katanya, syarikat-syarikat dari Singapura boleh diterima sebagai pelabur dan dialu-alukan sebagaimana yang dinyatakan dalam kerangka perancangan projek WPI.

Menurut beliau, apa-apa terma yang diberikan kepada syarikat dari Singapura juga adalah sama dengan pelabur lain dari Timur Tengah dan negara-negara lain.

“Misalnya, kalau di kawasan itu golongan

bumiputera atau pelabur tempatan mendapat sesuatu pengecualian maka ia juga akan diberikan kepada syarikat Singapura.

“Tetapi ini bukan bererti kita ketepikan kepentingan bumiputera sama sekali. Kita akan cuba mengimbanginya dengan pendekatan tertentu seperti memberi galakan kepada syarikat-syarikat kepentingan bumiputera melabur di kawasan WPI,” jelasnya.

Sementara itu, ketika berucap pada me-

syuarat UMNO bahagian Kuala Kangsar, Najib berkata, ahli-ahli UMNO perlu berfikir bijak dan menyesuaikan diri dengan peredaran zaman supaya kejayaan bangsa tidak kekal di takuk lama.

Katanya, anjakan paradigma perlu dilakukan dengan bersungguh-sungguh supaya anak bangsa Melayu boleh terus berjaya dan sentiasa berada di barisan hadapan di peringkat antarabangsa.

– Bernama

## ● ‘Persepsi sendiri’

**KLUANG** 1 Julai – Kenyataan Menteri Mentor Singapura, Lee Kuan Yew kononnya pemimpin-pemimpin UMNO Johor tidak mengalu-alukan pelaburan Singapura di Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) adalah berdasarkan kepada persepsi beliau sendiri yang tidak berasas.

Malah Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, persepsi Lee itu turut dibelenggu oleh faktor sejarah.

“Untuk menuduh kita (pemimpin-pemimpin UMNO Johor) tidak mengalu-alukannya (pelaburan republik itu di WPI), saya rasa itu mungkin persepsi dia sendiri dan persepsi dia (Kuan Yew) itu dibelenggu oleh sejarah,” katanya kepada pemberita di sini.

Hishammuddin yang juga anggota Parlimen Sembrong dan Ketua UMNO Bahagian Sembrong berkata demikian selepas majlis perasmian mesyuarat UMNO bahagian itu oleh Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob hari ini.

Hishammuddin berkata, Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman dan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah menjelaskan beberapa kali sebelum ini bahawa WPI merupakan sebuah agenda nasional dengan Kerajaan Pusat dan negeri mengalu-alukan

semua jenis pelaburan sama ada dalam atau luar negara.

Kerajaan Pusat menurutnya, mahu melihat projek WPI itu berjaya.

Hishammuddin percaya, jika suasana pelaburan di WPI itu kondusif dan menguntungkan, ia akan menarik para pelabur termasuk dari Singapura ke zon ekonomi khas itu walau apa pun yang diperkatakan oleh Lee Kuan Yew.

“Pembangunan ekonomi di WPI itu tidak bergantung kepada kenyataan seseorang individu. Saya tidak tahu asas kenyataan beliau itu,” kata Hishammuddin.

Abdul Ghani yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Johor beberapa bulan lepas turut menyatakan bahawa semua pelabur dari dalam dan luar negara termasuk dari Singapura dialu-alukan di WPI.

WPI yang berkeluasan 2,200km persegi di Johor Selatan itu merangkumi beberapa daerah seperti Johor Bahru, Kota Tinggi dan Pontian.

Khazanah Nasional yang diberi tanggungjawab membangunkan zon ekonomi khas seluas dua kali ganda Singapura itu menjangkakan WPI akan menerima pelaburan bernilai kira-kira RM50 bilion dalam jangka masa terdekat ini serta mewujudkan 800,000 pekerjaan.

– Bernama

## ● ‘Salah tafsir, tidak benar’

**KUALA LUMPUR** 1 Julai – Kenyataan Menteri Mentor Singapura, Lee Kuan Yew bahawa Malaysia tidak mengalu-alukan pelaburan Singapura di Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) merupakan salah tafsir yang tidak benar sama sekali.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, Malaysia sebenarnya mengalu-alukan pelaburan dari semua negara termasuk Singapura.

Katanya, Malaysia ingin meraih kepelbagaian pelaburan dan tidak hanya bergantung kepada sebuah negara sebagai sumber pelaburan.

“Sebab itu kita tidak boleh memberi keistimewaan kepada mana-mana negara.

“Pelabur-pelabur berpotensi yang datang dari seluruh dunia menunjukkan keyakinan pelabur antarabangsa terhadap WPI.

“Dengan ini saya berharap Kuan Yew tidak akan memberikan persepsi dan gambaran yang salah kerana Malaysia dan Singapura menikmati hubungan dua hala yang positif,” katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan Pergerakan Wanita UMNO Bahagian Kepong di sini hari ini.

Dalam pada itu, ketika ditanya sama ada kritikan Duta Kesatuan Eropah (EU), Thierry Römmele terhadap Dasar Ekonomi Baru (DEB) merupakan usaha untuk menguji kerajaan, Syed Hamid berkata, kritikan itu bukan caranya kerana DEB merupakan dasar dalaman untuk kebaikan dan kepentingan negara.

“Kita akan pertahankan kepentingan dan kedudukan kita mengenai polisi ekonomi itu.


“Kita tak sepatutnya bersikap bersalah dan memohon maaf kerana kita tidak menyekat sesiapa pun untuk maju. Semua kaum menikmati kemakmuran,” katanya.

Ditanya mengenai laporan bahawa Myanmar akan menghasilkan tenaga nuklear dengan bantuan Rusia, Syed Hamid berkata, di bawah Perjanjian Tanpa Percambahan Senjata Nuklear (NPT), semua negara yang menandatangani dibenarkan membangunkan tenaga nuklear bagi tujuan keamanan.

Dalam hal ini, beliau berpendapat, Myanmar tidak berupaya melakukannya dan Rusia pula tidak akan berminat untuk membantu Myanmar membangunkan tenaga nuklear.



**HISHAMMUDDIN**



**SYED HAMID**